

JABATAN BENDAHARI • BURSAR'S DEPARTMENT

Rujukan : UKM BEN.100-1/3/3

Tarikh : 13 Disember 2023

Semua Warga

Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENYEDIAAN MAKLUMAT PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN UNTUK TAHUN 2024

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK2.1 Perkara 3, dimana Agensi Kerajaan **WAJIB** menyediakan senarai rancangan perolehan tahunan bagi perolehan yang akan dilaksanakan bagi tahun berikutnya dan mengemukakan maklumat perancangan untuk semua kaedah perolehan kepada Kementerian Kewangan (MOF). Perancangan ini adalah bagi membantu agensi melaksanakan perolehan dengan lebih terancang dan teratur serta dapat mengelakkan amalan berbelanja di penghujung tahun atau di saat-saat akhir tahun semasa.

3. Sehubungan itu, pemakaian arahan ini di Universiti mewajibkan kepada PTj untuk menyediakan maklumat senarai perancangan perolehan tahunan bagi tahun 2024 untuk semua perolehan melebihi RM50,000.00 meliputi bekalan/ perkhidmatan/ kerja tanpa mengambil kira peruntukan termasuk geran penyelidikan. PTj hendaklah menyediakan perancangan perolehan dengan melengkapkan **Jadual Umum Perancangan Perolehan Tahunan Bagi Tahun 2024 (UKM-SPKPPP-PP03-BO03)** seperti di lampiran dan dokumen tersebut perlu dikemukakan kepada Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari sebelum atau pada 29 Disember 2023.

4. Perancangan perolehan yang disediakan perlu mengambil kira tempoh mula pelawaan/ iklan Sebut Harga dan Tender seperti berikut:

| Kaedah Perolehan | Tempoh Mula Pelawaan / Iklan |
|-------------------------|---|
| Sebut Harga | Selewat-lewatnya 4 bulan sebelum diperlukan |
| Tender | Selewat-lewatnya 6 bulan sebelum diperlukan |



JABATAN BENDAHARI

Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5033/ 3131/ 3553/ 5030 E-mel: bahagianperolehan@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

| | |
|--|---|
| Sebut Harga / Tender bermasa (Bekalan/ Perkhidmatan tidak boleh terputus) | Selewat-lewatnya 8 bulan sebelum kontrak semasa tamat |
|--|---|

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada urusetia perolehan, Jabatan Bendahari seperti berikut:

| Bil | Kampus | Emel | No Telefon |
|-----|-------------------------|--|--------------------------------------|
| 1. | Kampus Bangi | syifaa@ukm.edu.my/ nursyuhadaabdrahim@ukm.edu.my /nuraina@ukm.edu.my/ nadia@ukm.edu.my. | 03-8921 5030/ 3553/ 3131/ 5033 |
| 2. | Zon Kampus Kuala Lumpur | zkkiperolehan@ukm.edu.my | 03-9289 7070/ 03-9289 7007 |
| 3. | Zon Kampus Cheras | Perolehankkcc@ukm.edu.my | 03-0391458683 / 03-91458679 |

Sekian, terima kasih

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN C.A.(M)

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k.
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Strategik dan Pembangunan Korporat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pendaftar, UKM
 - Ketua Perpustakaan, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM



JABATAN BENDAHARI

Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5033/ 3131/ 3553/ 5030 E-mel: bahagianperolehan@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari